

02/05/1998

Presiden Akar arah sokong calon BN

KOTA BELUD, Jumaat - Presiden parti Akar Bersatu, Datuk Pandikar Amin Mulia mengarahkan pemimpin dan ahli parti di seluruh negeri membantu dan menyokong semua calon Barisan Nasional (BN) di kawasan masing-masing dalam pilihan raya umum negeri akan datang.

Pandikar, yang juga Menteri Pertanian dan Perikanan menasihatkan mereka supaya lebih komited dengan perjuangan parti bagi memastikan kejayaan BN dalam pilihanraya itu nanti.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Kursus Pilihan Raya anjuran parti itu di Kem Akar Bersatu, Kampung Rampayan Laut.

Kursus tiga hari yang bermula semalam, dihadiri 250 peserta yang terdiri daripada Ahli Majlis Tertinggi (AMT), Ketua Bahagian, Setiausaha dan ketua penerangan dari semua bahagian parti itu di Sabah.

"Kejayaan BN dalam pilihan raya itu amat penting bagi meneruskan pembangunan yang kini dilaksanakan kerajaan BN," katanya.

Menurutnya, pemimpin negara terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai pemimpin negara yang bijak, berkarisma dan berwawasan.

"Parti Akar Bersatu sentiasa bersedia menggerakkan jentera pilihan rayanya pada bila-bila masa sahaja dan kursus tiga hari itu adalah susulan kepada beberapa seminar dan kursus politik yang diadakan sebelum ini untuk menilai dan menganalisis segala persediaan yang dibuat," katanya.

Sebanyak tiga kertas kerja dibentangkan dalam kursus tersebut masing-masing bertajuk "Pendekatan Politik Akar Bersatu" dan "Pengurusan Kempen dan Jentera Pilihan Raya" yang disampaikan sendiri oleh Pandikar Amin.

(END)